



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT AM LESEN PERNIAGAAN

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SAP-01

NO PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

Lesen

1. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa (Seksyen 107 (5) Akta 171).
2. Lesen hendaklah dipamerkan di dalam plet yang disediakan oleh Majlis supaya berkeadaan sempurna. Plet yang telah rosak atau hilang perlu diganti dengan menghubungi Majlis dengan kadar segera.
3. Syarat-syarat yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat serta mematuhi pada bila-bila masa sepanjang tahun. (Seksyen 107 (2) Akta 171).
4. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan pada tiap-tiap tahun.
5. Lesen yang dikeluarkan akan tamat tempohnya seperti yang tertera di dalam bil lesen. Pembaharuan lesen perniagaan perlu di buat 14 hari dari tarikh tamat lesen
6. Adalah diingatkan juga Majlis Daerah Tanjong Malim boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi sebarang sebab. Selain dari kehendak - kehendak dan syarat yang tersebut. Majlis boleh mengeluarkan syarat - syarat tambahan (Seksyen 107 (3) Akta 171).

Kemudahan Sanitasi

7. Kemudahan sanitasi seperti tandas, bilik air, tempat membasuh tangan, urinal dan sebagainya hendaklah disediakan serta dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT AM LESEN PERNIAGAAN

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SAP-01

NO PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

8. Menyediakan tong sampah yang sempurna dan mencukupi serta menggunakan karung plastik bagi pembuangan sampah perniagaan.

Keperluan Bomba

9. Sekurang – kurangnya sebuah peti ubat yang lengkap hendaklah disediakan.
10. Menyediakan alat pemadam api yang mencukupi serta diakui sah oleh Jabatan Bomba.
11. Pintu masuk/keluar hendaklah bebas dari sebarang halangan pada setiap masa.

Kesesuaian / Kebersihan Premis

12. Semua jenis perniagaan hanya dijalankan di kawasan atau premis yang telah dirancang bagi tujuan tersebut dan telah diluluskan secara dasar oleh Majlis Daerah Tanjong Malim atau Kerajaan Negeri.
13. Bangunan premis hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa. Mana-mana bahagian yang susah rosak dan kelihatan kotor perlulah diperbaiki serta disapu cat.
14. Tidak dibenar membuang / menyebabkan darah, air masin, cecair kotor atau lain – lain bahan mengganggu dilonggokan atau disalurkan ke dalam longkang, tempat – tempat awam atau persendirian.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT AM LESEN PERNIAGAAN

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SAP-01

NO PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

Laluan Belakang, Kaki lima, Jalan Susur hendaklah dikosongkan

15. Tempat awam termasuk kakilima, longkang, lorong belakang, jalan susur dan sebagainya hendaklah bebas dari sebarang halangan pada setiap masa. (Seksyen 46 Akta 133).

Pemasangan Papan Iklan

16. Setiap premis yang diluluskan adalah diwajibkan untuk memasang papan iklan seperti mana yang dikehendaki oleh pihak Majlis iaitu:-
- Papan iklan adalah jenis yang berlampu atau tidak berlampu.
 - Saiz yang dibenarkan adalah 3 kaki X 8 kaki. Sekiranya pemegang lesen menghendaki saiz yang berlainan hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak Majlis.
 - Visual iklan yang dipamerkan hendaklah mengikut spesifikasi Majlis.
 - Bahasa iklan yang dipamerkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka
17. Pemegang lesen hendaklah memastikan pemasangan iklan dan sepanduk mempunyai lesen daripada pihak Majlis Daerah Tanjong Malim dan mempunyai butir – butir berikut pada muka depan papan iklan:
- No. pendaftaran perniagaan seperti yang terkandung di dalam lesen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - No. Akaun lesen MDTM seperti yang terkandung di dalam lesen perniagaan Majlis Daerah Tanjong Malim.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT AM LESEN PERNIAGAAN

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SAP-01

NO PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

Bising

18. Pemegang lesen semasa menjalankan perniagaan yang dilesenkan tidak boleh membuat atau menyebabkan bunyi bising yang merupakan kacauganggu.

Waktu Perniagaan

19. Pemegang lesen hendaklah menjalankan waktu perniagaan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pencahayaan, Pengudaraan, dan Kesesakan

20. Pemegang lesen hendaklah memastikan pencahayaan semulajadi (cahaya matahari) dan pencahayaan mekanikal (lampu), pengudaraan keseluruhan premis mencukupi.
21. Pemegang lesen hendaklah memastikan premis tidak berada di dalam keadaan sesak. Peralatan / barang yang tidak diperlukan hendaklah dikeluarkan daripada premis.

Penyedaran habuk dan sebagainya

22. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membiar atau membenarkan penyebaran kuantiti habuk, wap asap, wap haba gas, getaran, bau, pancaran, asap atau jelaga yang mana ia adalah menjadi kacauganggu atau yang mencemarkan udara.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT AM LESEN PERNIAGAAN

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SAP-01

NO PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

Penalti

23. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan kompaun, merampas atau tindakan mahkamah.
24. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih dari dua ribu ringgit dan denda selanjutnya tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.
(Peruntukan 50 Undang - Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Daerah Tanjong Malim 2017)

Pengakuan

Bahawa saya
No. Kad Pengenalan Mengaku telah menerima
dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas.

Tarikh:

Tandatangan: